

BERITA HARIAN, SABTU, 21 JANUARI, 1978

# J-kuasa Kabinet akan mengkaji bekalan beras negara



DATO SERI DR. MAHATHIR

**JITRA, Jumaat:—** Jawatankuasa Kabinet mengenai Beras dan Barang-barang Keperluan akan bermesyuarat pada 24 Januari ini untuk mengkaji bekalan beras dalam negeri berikutan musim kemarau sekarang.

Jawatankuasa diketuai oleh Timbalan Perdana, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan mengkaji secara perinci bekalan dan permintaan bahan itu.

Ia juga akan mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelak dan mengatasi sebarang kemungkinan, termasuk bekalan dan harga barang-barang keperluan menjelang Tahun Baru China.

Timbalan Menteri Pertahanan, Encik Mokhtar Hashim yang melawat ke sini untuk meninjau kedudukan keselamatan di kawasan sempadan bagaimanapun enggan menghurai butir-butir lanjut.

Encik Mokhtar Hashim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Rais Yatim semalam melawat ke kawasan keselamatan di Bukit Kayu Hitam,

16 batu dari Jitra.

Kedua-dua Timbalan Menteri itu puas hati dengan keadaan keselamatan di kawasan itu dan memuji pasukan keselamatan telah menjalankan tugas yang cemerlang sekali.

Menurut Encik Rais Yatim pula, penyeludupan di kawasan itu telah berkurangan berikutan langkah-langkah kawalan ketat oleh pasukan keselamatan den-

gan kerjasama Jabatan Kastam dan Imigresyen.

Menurut beliau, Kompleks Kastam dan Imigresyen di Bukit Kayu Hitam yang sedang dibina akan siap dalam masa dua bulan lagi.

Sebelum itu, mereka telah diberi taklimat mengenai kedudukan keselamatan di sempadan dan penyeludupan oleh pihak polis, imigresyen dan kastam.